

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI
NEGERI MELAKA BERSAMA SKM
NEGERI**

**MELAKA DAN KOPERASI
GABUNGAN
MASJID-MASJID NEGERI MELAKA
BERHAD
(KOGMAS)**

**26 APRIL (KHAMIS) / 2.30 PETANG
MITC MELAKA**

Bismillahirrahmannirrahin
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Malaysia Madani dan Salam
Koperasi.

**(PROTOKOL SAPAAN DIBERI
SEWAKTU MAJLIS)**

1. Syukur kepada ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA pada tahun ini iaitu 1445 Hijrah kita semua masih diberi Kesihatan dan kesemepatan untuk untuk meraikan bulan Syawal bulan kemenangan umat Islam setelah sebulan kita semua menjalankan ibadah puasa.

2. Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman atas atas kesudian untuk hadir bersama dalam

menyantuni sertas menyerikan lagi majlis pada hari ini.

3.Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka, Tuan Haji Zaidan Abd Hadi bersama – sama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Melaka dan Koperasi Gabungan Masjid-Masjid Negeri Melaka Berhad(KOGAMAS) kerana dapat mengatur majlis sambutan yang cukup meriah pada hari ini.

**Yang Berhormat dan Para Hadirin
Hadirat Sekalian**

4. Kehadiran Aidilfitri saban tahun semestinya dinanti-nantikan oleh umat Islam di seluruh negara. Dalam kemeriahan menyambut aidilfitri, tugas dan tanggungjawab membangunkan koperasi secara berjemaah harus tetap diteruskan. Melalui penganjuran rumah terbuka seperti ini, hubungan

sesama koperator dapat dijalin serta diperkukuhkan lagi. Usaha memperkasa taraf kehidupan anggota melalui perniagaan berdaya maju harus diberi keutamaan dan diteruskan.

5. Untuk makluman semua, sehingga Disember 2023, **terdapat 15,809**

buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 7.22 juta individu, Jumlah syer / yuran sebanyak RM17.4 bilion, aset sebanyak RM165.8 bilion dan perolehan adalah sebanyak RM64.5 Bilion.

6. Sebagai badan puncak gerakan koperasi di Malaysia, ANGKASA terus bekerjasama dengan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensinya seperti SKM dan IKMa dan juga Kerajaan Negeri dalam menyediakan ruang dan peluang

untuk koperasi bergerak dalam kerancakan ekonomi pada masa kini.

7. Di Negeri Melaka, ANGKASA sentiasa bekerjasama rapat dengan se kerajaan Negeri melalui Exco, SKM , IKMa dan agensi lain dalam pelaksanaan program

pembangunan koperasi. Program Jelajah atau Mini Karnival akan diadakan di setiap daerah bagi pemantapan Sektor Peruncitan melalui projek Barang Asas (BA100) yang memberi manfaat kepada koperator dan juga penduduk setempat melalui penawaran barang asas dengan harga

berpatutan. Program ini dimulakan di daerah Melaka Tengah, seterusnya Alor Gajah dan Jasin.

8. ANGKASA Melaka juga sedang dalam proses membangunkan projek Rasa Melaka yang merupakan kolaborasi dengan koperasi untuk terlibat dalam

industri pelancongan dan makanan bagi menampilkan warisan budaya serta sejarah Negeri Melaka. Projek ini turut mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan dijangka dilaksanakan pada tahun ini.

Yang Berhormat dan Para Hadirin Hadirat Sekalian

9. Saya yakin, melalui dasar dan strategi yang digariskan oleh kerajaan seperti Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030), Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dan juga

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKop) 2030 bakal mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan memperhebat pembangunan sosial demi memberi manfaat kepada sektor koperasi dan juga masyarakat secara keseluruhan.

10. Melalui kerjasama semua pihak termasuk kerajaan dan agensinya, kepimpinan dinamik koperasi dan sokongan tidak berbelah anggotanya maka saya mempunyai sepenuh keyakinan harapan kerajaan untuk melihat perolehan RM70 Bilion menjelang 2030 tidak mustahil untuk dicapai.

11. Saya tidak berhasrat untuk memanjangkan ucapan saya. Harapannya supaya majlis pada hari ini dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim antara kita semua dan menjadi asbab lebih banyak kerjasama dan projek baharu dapat dijalankan oleh koperasi di negeri ini.

12. Sekali lagi ucapan terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman atas kesudian untuk

bersama dengan kita semua pada majlis hari ini.

13. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan serta menghadirkan diri ke majlis ini. Semoga jalinan ukhwah antara kita

dapat terus dipererat demi kemajuan berterusan gerakan ini.

14. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Sekian Wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.